

## PEMBENTUKAN AKHLAK DAN SAHSIAH PELAJAR MELALUI PEMBELAJARAN SOSIAL MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

*(Student Morality and Personality Formation through Social Learning  
According to Islamic Perspective)*

Hasbullah Mat Daud, Ahmad Yussuf & Fakhrol Adabi Abdul Kadir

### ABSTRAK

Pendidikan merupakan teras utama dalam membentuk peribadi akhlak mulia dalam diri pelajar dan akhlak merupakan aset penting dalam Islam. Pembelajaran yang sempurna akan melahirkan manusia yang mempunyai nilai akhlak dan budi pekerti tinggi. Oleh itu, terdapat beberapa faktor pembelajaran sosial yang mempengaruhi pembentukan akhlak dan sahsiah pelajar. Kajian ini bertujuan membincangkan pembelajaran sosial menurut perspektif Islam dan faktor-faktor pembelajaran sosial yang mempengaruhi pembentukan akhlak dan sahsiah pelajar. Kajian ini menggunakan metodologi kajian kepustakaan dengan menganalisis dan perbincangan dalam kandungan teks. Dokumen yang dianalisis terdiri daripada jurnal dan tinjauan artikel berkaitan pembentukan akhlak dan moral yang dianalisis secara tematik untuk mengenal pasti elemen-elemen pembentukan akhlak. Kajian ini mendapati bahawa faktor-faktor pembelajaran sosial yang dikenal pasti memberikan kesan yang cukup signifikan dalam pembentukan akhlak pelajar adalah terdiri daripada guru, ibu bapa, rakan sebaya, persekitaran sekolah, persekitaran masyarakat dan media massa. Dapat dirumuskan bahawa faktor-faktor pembelajaran sosial berupaya menerapkan nilai Pendidikan Islam ke arah membentuk keperibadian insan soleh yang mengutamakan keyakinan dan kepatuhan kepada Allah SWT. Selanjutnya kajian ini mempunyai signifikan terhadap KPM, guru dan juga ibubapa dalam memperkembangkan penerapan nilai Pendidikan Islam supaya matlamat menjadikan generasi muda yang beriman dapat dicapai.

**Kata Kunci:** Pembelajaran sosial, dakwah, akhlak Islam, Pendidikan Islam

### ABSTRACT

Education is the main thrust in forming students' personal personal morality and it is an imperative asset in Islam. Perfect learning will produce people with high moral values and character. Therefore, several social learning factors influence student morale and personality. This paper aimed to discuss social learning based on Islamic perspectives and factors that can influence students' morality and personality development. This study used the library research methodology by analysing and discussing the content of the text. Documents analysed consists of journal and articles review on the akhlak and moral. Thematic analysed is used to identify elements of the akhlak and moral. This paper found that social learning factors identified to have a pertinent impression on student morale are teachers, parents, peers, school environment, community environment and mass media. Consequently, is concluded that the social learning factors attempt to implement Islamic values education towards creating a good human

personality that emphasizes confidence and obedience to Allah SWT. Furthermore, this study had a significant impact on MOE, teacher and parents in effectively implementing the Islamic values education so that the goal of producing the young and righteous believers can be achieved.

**Keywords:** Social learning, preaching, Islamic morality, Islamic education

## **PENGENALAN**

Pendidikan merupakan salah satu mekanisme untuk menyampaikan agama Islam dan juga proses dakwah kepada masyarakat. Dalam Islam, definisi pendidikan sangat luas dan bersepadu, merangkumi seluruh cara hidup manusia yang mengandungi aspek-aspek seperti akidah (kepercayaan) yang merupakan tunjang utama, syariah (undang-undang), ibadah, akhlak (tingkah laku), sains, teknologi, sosiologi, politik, ekonomi dan lain-lain. Ia merangkumi kehidupan di dunia dan akhirat dalam satu disiplin yang lengkap. Semua aspek tersebut melalui proses pendidikan yang dinyatakan dalam al-Quran dapat membantu dalam perkembangan sesebuah komuniti dalam masyarakat (Mohd Zamrus Mohd Ali & Ratna Roshida Ab Razak 2012, Zakaria et al., 2012, Rosnani 2015).

Keunggulan al-Quran sebagai satu sumber yang tepat, benar dan sah dalam *tarbiyah Islamiah* tidak boleh diragui (Ahmad Kilani et al., 2012). Hal ini kerana, menurut Ahmad Kilani et al., (2012), al-Quran telah berjaya melahirkan Muslim yang mempunyai minda yang progresif dan cemerlang dalam semua keadaan. Adu-Febiri (2011) pula menjelaskan bahawa faktor kemanusiaan menjadi semakin penting dalam pendidikan terutamanya dalam perkembangan emosi, moral dan spiritual di dalam kelas. Pada masa yang sama, bantuan dan sokongan dari faktor sosial dapat membantu pelajar mencapai kejayaan di dunia dan di akhirat serta dapat menghindari gejala sosial (Siti Norlina Muhamad et al., 2012). Manakala Wan Ahmad Zakry (2015), menyatakan pembentukan sahsiah banyak diperolehi daripada pendidikan sama ada secara formal mahupun tidak formal. Faktor sokongan melalui pembelajaran sosial sentiasa mempengaruhi pembentukan sahsiah pelajar. Oleh itu, pelajar perlu diberi pendidikan yang sewajarnya samada secara formal atau tidak formal agar mereka mampu membentuk negara yang unggul di samping mempunyai sahsiah yang mantap.

Namun, isu gejala sosial ini semakin hari semakin membimbangkan. Mohamad Khairi Hj Othman et al., (2015), menyatakan keruntuhan moral dan gejala sosial yang semakin meruncing dalam kalangan pelajar sekolah di Malaysia memberi impak dan kesan terhadap keberkesanan sistem pendidikan dalam membentuk generasi muda yang berakhlak, bermoral dan memiliki serta menghayati nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian. Kewujudan masalah sosial ini membawa kepada masalah disiplin di sekolah yang akan mengganggu pembentukan akhlak dan sahsiah pelajar (Azyyati 2017). Isu keruntuhan akhlak seperti ini semestinya mempunyai kaitan dengan pengaruh seperti diri sendiri, keluarga, rakan sebaya, pengaruh barat, masyarakat sekeliling, media massa dan sebagainya (Fauziah et al., 2012; Zainudin & Norazmah 2011; Wan et al., 2013).

Permasalahan ini juga adalah kesan dari arus modenisasi dan kejutan budaya yang melanda remaja zaman ini yang memberi kesan kepada individu, malah melibatkan institusi keluarga, masyarakat dan negara (Zainudin & Norazmah 2011). Isu keruntuhan akhlak pelajar merupakan suatu ancaman besar bagi mencapai kemajuan dan pembangunan negara. Noornajihan dan Ab. Halim Tamuri (2013) menegaskan bahawa kegagalan sesebuah institusi, organisasi, bangsa, negara mahupun tamadun adalah disebabkan oleh faktor sahsiah individu

yang telah rosak. Akhirnya, pelbagai masalah timbul kesan daripada ketidakpatuhan kepada ajaran agama seperti masalah sosial dalam kalangan remaja (Nurzatil Ismah & Zulkifli 2017).

Di Malaysia, masalah sosial remaja menunjukkan peningkatan hampir setiap tahun. Antara masalah yang berada pada tahap yang membimbangkan ialah masalah penzinaan, pembuangan bayi, khalwat, rogol dan penyalahgunaan dadah. Sebagai contoh berkaitan dengan penyalahgunaan dadah, pada tahun 2017, seramai 25,992 orang di negara ini dilaporkan telah terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Kes baru penyalahgunaan dadah sebanyak 18,440 dan kes berulang 7,484 orang yang terlibat dengan dadah. Dari jumlah tersebut 24,926 adalah penagih lelaki manakala 996 orang adalah penagih wanita. Penagih dari kalangan orang Melayu adalah paling ramai sebanyak 20,956 dan bakinya daripada etnik Cina, India dan lain-lain etnik Bumiputra. Majoriti yang terlibat adalah golongan muda berumur 13-39 tahun dan faktor utama yang menyumbang adalah pengaruh rakan sebaya sebanyak 16,209 orang. (Agensi Anti Dadah Kebangsaan 2018). Manakala bagi kes remaja hamil luar nikah, Kementerian Kesihatan Malaysia melaporkan sebanyak 3,938 kes pada tahun 2016 dan 3,694 kes pada tahun 2017. Ada sedikit penurunan pada tahun 2018 sebanyak 2,873 kes dilaporkan. (Kementerian Kesihatan Malaysia 2019)

Apabila nilai-nilai akhlak terhakis menyebabkan terjadinya masalah sosial dalam masyarakat. Hanya melalui pendidikan yang sempurna termasuk mengambilkira faktor-faktor pembelajaran social akan dapat menghasilkan modal insan yang mempunyai wawasan dan jatidiri yang kukuh. Oleh itu, pembelajaran sosial adalah perkara penting yang perlu diberi perhatian dalam proses membentuk jati diri pelajar. Penekanan kepada persoalan nilai-nilai mumi dalam sistem pendidikan di Malaysia perlu diberi perhatian agar dapat melahirkan pelajar yang seimbang dari pelbagai aspek. Justeru itu, tulisan ini cuba untuk membuat sorotan kepada pembelajaran sosial menurut pandangan Islam dengan merujuk kepada al-Quran dan al-Sunnah.

## **PENDIDIKAN DAN AKHLAK DALAM ISLAM**

Secara umumnya, pendidikan bermaksud satu proses memelihara dan membangunkan manusia dari aspek jasmani, akal, bahasa, kelakuan, sosial dan agama yang difokuskan terhadap usaha mencapai kesempurnaan. Syed Muhammad Naquib Al-Attas (1980) yang menegaskan bahawa pendidikan merupakan proses penerapan adab ke dalam diri seseorang. Tegasnya, menurut perspektif Islam, pendidikan memainkan peranan penting dalam melahirkan insan yang berakhlak dan bermoral. Manakala Ibn Khaldun (w.808H/1406M) berpendapat bahawa pendidikan dan pengajaran adalah aktiviti yang merangkumi ilmu dan akhlak. Dengan kata lain, pendidikan bukan hanya aktiviti yang tertumpu kepada memperolehi pengetahuan (aspek kognitif) semata-mata tetapi juga aktiviti pembentukan dan pembinaan akhlak (aspek afektif dan psikomotor). (Ali Abd Wahid 1958).

Pengertian pendidikan menurut Imam al-Ghazali (w.505H/1111M) adalah sebuah usaha untuk menghilangkan akhlak yang buruk dan menanamkan akhlak yang baik (al-Ghazali 1999). Manakala Jasmi & Abd Halim Tamuri (2007) dan Kamarul Azmi (2016) menjelaskan pendidikan sebagai suatu proses mengasuh dan mendidik, membela, melatih, menyucikan, mengawal hawa nafsu, mengikut arahan pemimpin, mengetuai, menambah, menghimpun, membaiki membentuk ketaatan kepada Allah SWT, membentuk kesantunan, sikap sopan dan beradab, berperaturan, menggantikan, menghapus dan memadam sifat yang tercela kepada keadaan yang terpuji, membentuk sikap belajar selain membiasakan proses memberi pengajaran dan mempelajari sesuatu yang baru.

Dalam agama Islam, tujuan yang ingin dicapai dalam pendidikan adalah membentuk insan kamil dan sempurna, yakni manusia yang sempurna dengan memiliki kecerdasan intelektual dan rohani secara keseluruhannya (Shamsul Arifin 2014). Di samping kepentingan akhlak sebagai indikator dalam pembentukan peribadi akhlak mulia, pembinaan akhlak yang baik turut mempunyai perkaitan dengan soal ibadah. Allah SWT berfirman dalam al-Quran dalam surah Az-Zaariyat ayat 56 yang bermaksud,

*"Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan agar mereka beribadah kepadaku"*

Dari aspek objektif, pendidikan dalam Islam bertujuan mencipta manusia yang baik dalam erti kata memiliki akhlak yang terpuji dan matlamatnya adalah untuk membangunkan modal insan yang seimbang dan membentuk serta membangunkan akhlak dan jati diri yang cemerlang bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah. Umum mengetahui bahawa Rasulullah SAW membangunkan sahsiah umatnya dengan komponen asas Islam, iaitu akidah, syariah, dan akhlak sebagaimana hal akhlak ini disebutkan dalam hadith yang diriwayatkan oleh Abu Dawud yang bermaksud:

*"Sebaik-baik orang yang beriman itu ialah mereka yang bagus akhlaknya"*

Dalam hal ini, Rasulullah SAW merupakan contoh teladan yang baik dan perlu dicontohi. Baginda diakui mempunyai sifat-sifat yang sempurna serta akhlak yang tinggi. Allah SWT menerangkan kemuliaan akhlak Rasulullah melalui firman-Nya dalam surah al-Ahzab ayat 21 yang bermaksud:

*"Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap (keredhaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta dia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)"*

Berkaitan dengan akhlak yang baik dan mulia ini, Yusuf al-Qaradhawi (2012), menyatakan akhlak dan kesopanan telah digariskan sebagai ciri yang kelima dalam membentuk sebuah masyarakat Islam. Ia merujuk kepada masyarakat adil, ihsan, kebajikan, kerahmatan, kebenaran, amanah, menyeru manusia ke arah kebaikan, *amar ma'ruf nahi mungkar* serta setiap sifat mulia, ciri-ciri terhormat dan budi pekerti yang luhur. Manakala Rohana Tan dan Norhasni (2014) berpendapat akhlak merupakan bahagian dalaman (kejiwaan) seseorang. Manakala perbuatan pula adalah bahagian luaran. Penerapan akhlak yang baik akan menimbulkan perbuatan yang baik sekaligus akan menjadikan seseorang itu anggota masyarakat yang baik dan dipandang mulia.

Dalam konteks dunia global yang kompetitif ini, menerusi pendekatan Islam yang dilakukan secara holistik dan efektif dapat mempertingkatkan pembangunan modal insan dapat dilakukan. Oleh itu, pendidikan akhlak perlu ditekankan dalam membangunkan insan yang bakal menerajui masyarakat dan negara agar tidak berlaku kepincangan ketika kita mengejar kecemerlangan dalam kehidupan. Melalui pendidikan, individu berupaya membina keyakinan

diri untuk berhadapan dengan dunianya, menikmati kemudahan yang ada di persekitarannya, serta memahami diri sendiri. Seterusnya, apa yang lebih penting ialah berjaya mencapai apa yang dihasratkan dalam Islam iaitu kecemerlangan duniawi dan ukhrawi. Ini adalah kerana apabila nilai keislaman telah sehati dengan jiwa seseorang hamba, maka sebarang tindakannya akan berlandaskan kepada ketaqwaan kepada Allah SWT.

## **METODOLOGI**

Metodologi kajian merupakan hal yang sangat penting dalam melakukan penyelidikan. Hasil kajian yang diperolehi juga sangat bergantung kepada metodologi yang digunakan dalam sebuah kajian. Pengumpulan data dalam kajian ini menggunakan kajian kualitatif yang direka bentuk berasaskan kajian kepustakaan. Creswell (2005), menjelaskan penyelidikan kualitatif dapat membantu penyelidik memahami lebih mendalam tentang proses dan bentuk-bentuk suatu amalan.

Dalam kajian ini, data dikumpul yang terdiri daripada sumber primer dan sekunder yang diperolehi dari bahan-bahan bertulis seperti buku, artikel, jurnal dan tesis. Pengkaji membuat analisis kandungan teks daripada sumber dokumen-dokumen berikut yang berkaitan dengan faktor-faktor pembelajaran sosial, pembentukan akhlak dan moral. Analisis secara tematik untuk mengenal pasti elemen-elemen pembentukan akhlak, kemudian disusun mengikut tema yang dibincangkan. Pendekatan ini digunakan untuk mencari data-data yang berasaskan kepada penulisan dan dokumentasi bertulis.

Selain itu, rujukan terhadap al-Quran dan al-Hadith bagi mendapatkan teks berkaitan dengan faktor-faktor pembentukan akhlak. Sesuai dengan isu yang dibincangkan berasaskan Islam, rujukan kepada al-Quran dan al-Hadith adalah panduan asas dalam kajian ini. Kajian ini juga merujuk kepada kitab-kitab muktabar samada tafsir al-Quran dan al-Hadith yang menjadi garis panduan mutlak kepada umat Islam dalam semua perkara. Pengumpulan data dari sumber-sumber utama dan analisis kandungan teks dari dokumen dapat memberikan maklumat yang relevan kepada isu dan masalah yang dikaji.

## **DEFINISI PEMBELAJARAN SOSIAL**

Pembelajaran sosial, menurut Reed et al., (2009) dapat didefinisikan sebagai perubahan dalam pemahaman yang melibatkan individu yang berada dalam unit sosial atau masyarakat yang lebih besar melalui interaksi sosial di antara mereka yang berada dalam rangkaian sosial. Walau Reed et al., menekankan bahawa pembelajaran itu berlaku apabila adanya interaksi sosial, Bandura (1977) pula menumpukan kepada pembelajaran melalui pemerhatian di mana seseorang itu mempelajari sesuatu melalui apa yang dilihatnya daripada orang yang berada di sekeliling, contohnya seorang murid yang belajar etika berpakaian melalui guru kelas. Selain itu, Berne (1964) menyatakan tingkah laku, pemikiran dan perasaan manusia pada asasnya tidak terlepas daripada pengaruh persekitaran, terutama sekali oleh harapan dan desakan yang dibuat oleh orang yang rapat dengan diri mereka seperti rakan sebaya, keluarga dan masyarakat dewasa. Pengaruh persekitaran ini mempengaruhi seseorang dalam membuat keputusan.

## **PEMBELAJARAN SOSIAL MENURUT PERSPEKTIF ISLAM**

Dalam Islam, kehidupan beragama dikaitkan dengan amalan kerohanian yang memberi pengaruh besar terhadap pembentukan personaliti dan tingkah laku manusia (Md Noor 2012). Pembentukan keperibadian seseorang turut dipengaruhi oleh pelbagai pengaruh persekitaran kehidupan manusia. Manusia berbeza berdasarkan persekitaran di mana ia berada. Sesiapa yang mendapati dirinya berada dalam persekitaran dan pendidikan yang membantunya ke arah kebaikan, maka dirinya akan cenderung menjadi baik. Jika dirinya berada dalam persekitaran dan pendidikan yang mendorongnya ke arah kejahatan, maka dirinya akan terpengaruh untuk berakhlak buruk. Keperibadian manusia itu berkembang bergantung kepada kualiti pengalaman hidup dan hasil interaksi dengan lingkungan (Norlizah 2014). Malah Rasulullah SAW adalah contoh yang terbaik dalam aspek pembangunan sahsiah, al-Quran memaparkan sahsiah Rasulullah SAW dalam beberapa aspek iaitu hidup dalam kebaktian, kasih sayang terhadap muslim, sentiasa memberi bimbingan ke arah kebenaran, tidak berbicara berlandaskan nafsu dan tidak lemah menghadapi ujian (Zuklifli 2014).

Rasulullah SAW telah menjelaskan pentingnya elemen pengaruh persekitaran sosial terhadap proses pembentukan keperibadian seseorang. Baginda menyatakan tentang pentingnya seseorang memperhatikan dengan siapakah dia bergaul. Ini kerana dalam kehidupan sehariannya akan memberi kesan terhadap keperibadiannya. Rasulullah SAW telah bersabda sebagaimana yang diriwayatkan oleh Imam Al-Tirmizi yang bermaksud,

*“Seseorang itu akan terpengaruh dengan temannya. Maka hendaklah sesorang kamu itu memilih siapa yang harus dijadikan teman”*

Dengan ini wajarlah manusia memerlukan sahabat yang sentiasa mendokong atau sentiasa mendorong untuk melakukan kebaikan dan menjauhi kejahatan. Jika bersahabat dengan orang yang jahat akan mendorong seorang ke kancang negatif atau melakukan maksiat. Justeru, Islam menyeru memilih sahabat yang baik dan ini akan menghasilkan persekitaran yang harmoni dan baik sebagaimana Rasulullah SAW telah bersabda yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari yang bermaksud:

*“Perumpamaan bersahabat dengan orang baik atau orang jahat itu seperti berkawan dengan seorang yang membawa wangian kasturi atau berkawan dengan seorang tukang besi. Pembawa wangian kasturi itu sama ada ia memberikannya kepadamu atau kamu membeli wangian tersebut darinya ataupun (paling tidak) kamu akan dapat menghidu wangian haruman tersebut. Manakala tukang besi pula, sama ada ia membakar pakaian kamu, atau kamu (hanya) akan mendapat bau yang busuk darinya.*

Muhammad Abu Qasem (1975) menyatakan bahawa Imam al-Ghazali juga turut menekankan faktor pembelajaran sosial iaitu pergaulan dengan orang-orang yang soleh dan orang baik pekertinya sebagai salah satu daripada tiga kaedah membentuk akhlak yang mulia dalam diri seseorang. Mahmood & Fatemeh (2012) juga menyatakan menurut al-Ghazali jiwa anak-anak yang bersih jika diajar dengan kebaikan mereka menerima kebaikan dan begitulah

sebaliknya. Manakala Ibn Khaldun (2002) juga menjelaskan, persekitaran yang baik sangat perlu bagi menghasilkan akhlak terpuji yang baik dan akhlak yang baik itu berdasarkan pengamatannya kepada faktor-faktor persekitaran yang boleh mempengaruhi hidup manusia.

Selain itu, al-Quran menyuruh manusia melakukan sesuatu perkara dengan tingkah laku yang baik. Antara dorongan tingkah laku yang disebut di dalam al-Quran ialah dorongan supaya manusia menjaga diri. Dorongan psikologi iaitu memenuhi keperluan individu dan dorongan spiritual seperti dorongan untuk bertaqwa, beragama, kebajikan dan kebenaran (Imron, 2015). Semua aspek dorongan ini akan mempengaruhi pembentukan jati diri manusia seperti saling tolong menolong antara manusia ke arah kebaikan. Tolong-menolong antara satu sama lain merupakan suatu sikap yang dituntut oleh agama. Budaya persekitaran tolong menolong akan mempengaruhi seseorang melakukan perkara kebaikan. Al-Quran telah menegaskan perkara ini melalui firman Allah SWT dalam surah al-Maidah ayat 2 yang bermaksud:

*“Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan”*

Maksud ayat di atas ialah tuntutan tolong-menolong pada melakukan kebaikan dan mendekati diri kepada Allah SWT serta meninggalkan kemungkar. Sesiapa yang mendapati dirinya berada dalam persekitaran dan pendidikan yang membantunya ke arah kebaikan, maka dia lebih cenderung untuk menjadi golongan yang baik dan begitu juga sebaliknya, sekiranya berada dalam suasana yang negatif maka ia kan mempengaruhi jiwa dan jati diri seseorang. Begitu juga rakan dan sahabat mempunyai pengaruh yang kuat terhadap akhlak manusia terutama sekali golongan pelajar yang sentiasa bersama dengan rakan mereka . Pergaulan dengan seseorang yang berakhlak baik dan berbudi pekerti akan menjadikan jiwa seseorang itu cenderung kepada kebaikan dan mentaati perintah Allah SWT Sebaliknya, pergaulan dengan seseorang yang berakhlak keji akan mendatangkan kesan yang buruk terhadap kehidupan manusia. Hal demikian sesuai dengan firman Allah SWT dalam surah al-Furqan ayat 28-19 yang bermaksud:

*“Alangkah celakanya aku, betapa baiknya kalau aku tidak menjadikan si fulan itu teman akrabku. Sesungguhnya Dia telah menyesatkan aku dari peringatan (al-Quran) ketika ia telah datang kepadaku dan adalah syaitan itu teman yang berkhianat kepada manusia”*

Ayat tersebut menjelaskan ia adalah jenis rakan yang membawa kepada kerosakan. Mereka mengaku sebagai kawan yang paling setia tetapi sebaliknya menuju kepada kehancuran dan kemaksiatan kepada Allah SWT. Oleh karena itu, bertemanlah dengan orang yang baik pekertinya sehingga anda selamat dari kerosakan dan kebinasaan. Menjadi lebih malang lagi sekiranya permusuhan dan konflik tersebut diheret hingga ke hari kiamat. Firman Allah SWT dalam surah Az-Zukhruf ayat 67 yang bermaksud:

*Pada hari itu sahabat-sahabat karib; setengahnya akan menjadi musuh kepada setengah yang lain, kecuali orang-orang yang persahabatannya berdasarkan taqwa (iman dan amal salih).*

Hubungan terjalin ini jika salah hala tuju sudah pasti membawa mereka kepada keruntuhan akhlak, mempamerkan pergaulan yang tidak bermoral serta terperangkap dengan krisis nilai, sosial dan moral. Hubungan persahabatan ini sangat penting, maka ia perlu diberikan perhatian agar tidak menimbulkan masalah. Oleh itu, antara perkara yang wajar diberi perhatian dalam persahabatan ialah adab, saling hormat menghormati dan etika. Penghayatan kepada adab amat penting untuk menjamin hubungan persahabatan supaya lebih mesra, harmoni dan berkat.

## **FAKTOR-FAKTOR PERSEKITARAN SOSIAL**

Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi akhlak remaja, antaranya ialah persekitaran pelajar iaitu ibu bapa, guru, rakan sebaya, masyarakat dan media massa. Persekitaran yang baik dalam pembentukan identiti seseorang individu sangat penting. Oleh itu, peranan ini dimainkan oleh individu-individu yang signifikan. Kesemua faktor-faktor ini memberikan pengaruh yang kuat dalam pembentukan jati diri setiap individu dalam masyarakat.

### ***i. Faktor Ibu Bapa***

Ibu bapa memainkan peranan penting dalam mencorakkan pendidikan anak-anak dan membentuk asas-asas perkembangan diri seseorang anak.. Di dalam konteks agama, individu yang paling bertanggungjawab menanamkan nilai-nilai agama pada peringkat awal adalah ibu bapa. Sebagaimana mafhum hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Imam al-Muslim yang bermaksud:

*“Tidak ada seorang bayi yang dilahirkan melainkan dilahirkan dalam keadaan fitrah (bersih daripada sebarang dosa), maka kedua ibu bapanyalah yang akan menjadikan anak itu sama ada sebagai seorang Yahudi, Nasrani atau Majusi.”*

Ibubapa memainkan peranan penting dalam tumbesaran sosial anak-anak termasuk dalam pergaulan dengan menunjukkan budi akhlak yang baik sebagai panduan dan bimbingan untuk anak-anak. Hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Majah yang bermaksud:

*“Orang yang paling baik di kalangan kamu ialah orang yang paling baik (pergaulannya) dengan ahli keluarga dan aku adalah yang terbaik dari kalangan kamu dalam pergaulan dengan ahli keluargaku”*

Menurut Mahyuddin Shaari (2009), ibu bapa hendaklah mempunyai panduan dan pengetahuan pendidikan yang sewajarnya, supaya kanak-kanak di bawah asuhan dan jagaan mereka mendapat bimbingan dan pendidikan yang selayaknya. Selain itu, ibu bapa perlu memantau anak remaja dari segi pergaulan dan rakan sebaya yang berada di sekeliling mereka dan dalam kepentingan tingkahlaku keibubapaan dalam keluarga juga perlu diberi perhatian yang serius dalam perkembangan dan pembentukan identiti dan personaliti seseorang remaja (Nor Af'idah 2014 & Ruzieha Abd Halim 2017). Manakala menurut Abdullah Nasih Ulwan (2000) menyatakan bahawa individu yang paling kuat mempengaruhi sahsiah anak-anak adalah ibu bapa. Rohana Tan et al., (2013) pula menyatakan proses pendidikan akhlak remaja yang

berlaku menerusi pendidikan ibu bapa memberi kesan kepada kehidupan remaja. Selain itu, Zarinah Arshat et al., (2002) menyatakan ibubapa perlu menunjukkan contoh dan tauladan dalam hubungan dan pergaulan serta menjadi role-model yang baik untuk anak-anak. Hal ini selari dengan pendapat Kamarul Azmi & Siti Fauziyani (2007) & Saat Sulaiman (2011), iaitu ibubapa perlu memberi bimbingan kepada anak-anak tetapi juga perlu menjadi contoh teladan (*uswah hasanah*) kepada anak-anak.

Umum mengetahui bahawa ibu bapa memiliki peranan yang sangat besar dan merupakan komuniti yang paling efektif untuk membina akhlak anak agar berperilaku baik dan bertanggungjawab dalam proses pembinaan akhlak dan sahsiah serta mempertingkatkan kebolehan anak-anak mereka.

### *ii. Faktor Rakan Sebaya*

Rakan sebaya merujuk kepada kumpulan kanak-kanak atau remaja yang sama, selalunya mempunyai lingkungan umur, gander atau status sosioekonomi yang sama dan berkongsi minat yang serupa (Rozita Abd Latif 2009). Rakan sebaya merupakan tempat mereka meluahkan masalah dan pengganti ibu bapa di sekolah. Pengaruh rakan sebaya merupakan sumber paling kuat dalam membantu perkembangan diri, mengubah nilai dan sikap remaja apabila pengaruh ibu bapa serta keluarga berkurangan pada peringkat awal remaja (Anisa Saleha 2015).

Dalam pembinaan akhlak dan personaliti pelajar, faktor persekitaran terutamanya rakan sebaya memainkan peranan yang sangat penting. Kenyataan ini selari dengan Nasih Ulwan (2004) menyatakan jika anak-anak bergaul dengan teman-teman yang pincang dan rosak akhlaknya, maka mereka akan terikut dan terkesan dengan tingkahlaku negatif. Menurut Abd Rahim (2006), golongan remaja menyesuaikan dirinya dengan faktor-faktor persekitaran keluarga, persekitaran sosial dan budaya yang akan mencorakkan perkembangan tingkah laku mereka. Secara tidak langsung, pelajar yang datang dari keluarga yang mempunyai masalah hubungan kekeluargaan dapat memberi kesan dalam pembentukan akhlak mereka.

Selain itu, Muhammad Usman al-Kasht, (1985) menyatakan pergaulan iaitu adab bersahabat jika dilaksanakan mengikut cara yang diperintahkan oleh syarak, akan mendekatkan diri manusia kepada Allah SWT. Menurut Hall (2008), antara kaedah untuk memantau anak-anak ialah mengetahui dengan siapa anak-anak berkawan, memantau aktiviti anak-anak, mengetahui di mana anak-anak berada serta menapis rakan anak-anak. Manakala Azizi Yahya et al., (2010) mengesyorkan ibu bapa agar sentiasa mengenal pasti rakan anak-anak kerana tidak dapat dinafikan bahawa mereka adalah penyumbang besar dalam peningkatan tingkahlaku delinkuen anak. Bergaul dengan orang-orang atau rakan-rakan yang berakhlak mulia merupakan di antara cara yang berkesan untuk menyemai nilai akhlak. Ini kerana naluri manusia terutama sekali golongan belia cepat meniru, terpengaruh dan terikut-ikut dengan teman rapatnya.

### *iii. Faktor Sekolah dan Guru*

Tingkah laku guru dan persekitaran sekolah mudah mempengaruhi pelajar-pelajar. Pelajar-pelajar mudah menginterpretasi sesuatu yang dilakukan oleh guru sama ada cara guru bertutur atau bertingkah laku. Oleh itu, guru haruslah menunjukkan sikap yang positif agar menjadi panduan dalam diri pelajar. Seorang guru berperanan sebagai penasihat, perunding, pendorong, pakar rujuk dan mengawasi disiplin pelajar (Norzaini Azman et al., 2007, Mohamad Khairi & Asmawati 2010). Guru dan sekolah juga merupakan ejen perubahan dan memperkembangkan

potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu. Guru perlulah sentiasa menunjukkan peribadi serta sahsiah yang baik agar boleh diteladani oleh murid (Samsu Hazlam 2010 & Habibah Ramlie 2017). Penampilan diri guru termasuklah cara berpakaian, cara berjalan dan sebagainya menjadi perhatian murid di dalam kelas khususnya. Ini kerana murid mudah meniru apa yang mereka nampak di depan mata lebih-lebih lagi murid sekolah rendah yang hendak mengenal erti kehidupan. Tambahan lagi, guru merupakan insan yang paling dekat dengan murid selain kedua ibu bapa di rumah. Tugas murni ini telah dimaktubkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan tahun 1988 iaitu:

*“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang harmonis dan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.”*

Pernyataan tersebut menunjukkan guru dan sekolah merupakan pengaruh yang paling penting dalam perkembangan pelajar daripada segi fizikal, intelek, emosi dan sosialnya. Begitu juga iklim atau suasana persekitaran juga mempengaruhi tingkah laku pelajar. Iklim sekolah yang berkesan mampu mewujudkan integrasi dan keharmonian sesama pelajar. Iklim dini pula bermaksud persekitaran Islam atau suasana keagamaan yang wujud dalam persekitaran sekolah. Pada tahun 1996, Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Jabatan Pendidikan Islam dan Moral telah memperkenalkan *Iklim Dini* untuk dihayati oleh semua warga sekolah di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia.

Abdul Muhsien (2014) dalam kajian mendapati amalan hubungan guru murid dalam pembentukan akhlak berada pada tahap sederhana. Majoriti peserta kajian mendapati hubungan guru-murid sudah sedia diamalkan, akan tetapi ia berlaku secara tidak formal berdasarkan keprihatinan seseorang Guru Pendidikan Islam. Justeru, lebih bermakna jika usaha ke arah memperkasakan pembentukan akhlak di sekolah mengambil pendekatan yang lebih holistik dengan memperkukuhkan aspek peranan guru dan hubungan dengan murid dan dapatan kajian oleh Mardzelah Makhsin (2012), mendapati persekitaran sekolah memberi pengaruh yang kuat dalam membentuk peribadi yang berakhlak mulia.

Kamarul Azmi (2007) dan Ashley & Trisha (2013) menyatakan guru adalah unsur penting untuk menyampaikan ilmu dalam dunia pendidikan dan mempunyai pengaruh terhadap keberkesanan sesuatu pendidikan. Keperibadian dan amalan pengajaran guru menjadi panduan dalam diri pelajar. Pelajar akan lebih kuat terpengaruh dengan sikap dan penampilan guru berbanding dengan orang lain. Oleh itu, guru sewajarnya memperbaiki diri terlebih dahulu sebelum memperbaiki pelajar. Manakala Marisca, Corredor dan Cabezas (2014) pula menyifatkan guru sebagai agen sosialisasi dapat menanam nilai sosial dalam diri pelajar.

Sehubungan dengan itu, penggunaan kaedah yang pelbagai dan sesuai untuk menerapkan nilai akhlak semasa proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam adalah sangat diutamakan. Oleh itu, guru Pendidikan Islam bertanggungjawab untuk menyampaikan ilmu pengetahuan bahkan membentuk murid menjadi insan yang berakhlak dan

berkeperibadian unggul. Dalam pada itu, guru Pendidikan Islam perlu menunjukkan sahsiah yang baik dan menjadi contoh kepada murid kerana setiap aspek percakapan dan perbuatan guru akan menjadi ikutan kepada murid.

*iv. Faktor Media Massa*

Media massa banyak memberi perkembangan dan maklumat kepada masyarakat terutamanya berkaitan hal ehwal semasa, berita luar mahupun dalam negara. Selain itu, media turut memberi manfaat kepada perkembangan pendidikan masa kini. Namun dalam masa yang sama media massa juga mungkin menyumbang ke arah kesan negatif. Kajian yang dijalankan oleh Ab. Halim Tamuri dan Zarin Ismail (2009) ke atas pelajar tingkatan 4 mendapati bahawa pendedahan terhadap media yang tinggi memberi kesan negatif terhadap pegangan agama remaja. Wan Norina W.H et al., (2013) menyatakan salah satu penyebab berlakunya keruntuhan akhlak remaja masa kini adalah hasil daripada bahan dan rancangan media massa yang dipaparkan dalam negara.

Namun, Sohana Abd Hamid (2016) menyatakan tugas dakwah ini sepatutnya turut dimainkan oleh penggiat media, menggunakan saluran media untuk mengajak orang ramai beriman kepada Allah SWT, dan memperkenalkan ciri-ciri ajaran Islam kepada masyarakat dan media sewajarnya berperanan menerapkan nilai-nilai Islam atau nilai murni untuk mendidik masyarakat agar mereka turut sama-sama menghayati nilai-nilai ini.

Di sebalik manfaat dan kemudahan daripada penggunaan media massa, terdapat juga beberapa kesan negatif terhadap perkembangan akhlak seseorang individu mahupun terhadap masyarakat dan juga negara. Ia akan memberi kesan samada kebaikan atau keburukan untuk dirinya sendiri.

*v. Faktor Persekitaran Masyarakat*

Struktur masyarakat yang telah berubah menyebabkan pelajar masa kini hidup dan bercampur dengan masyarakat yang lebih rencam. Oleh itu, sokongan persekitaran dalam kalangan pelajar penting kerana ia berperanan melahirkan pelajar yang seimbang dari segi akademik, emosi dan akhlak. Pelajar dilengkapi dengan individu di sekelilingnya bagi mencorak kehidupan pada masa akan datang (Najeemah Mohd Yusof 2010 & Haseena Banu 2016).

Perhubungan yang erat sesama jiran sangat penting dan amat ditekankan oleh kebanyakan masyarakat dan agama. Hubungan dalam konteks kejiwaan dapat melatih individu untuk menolong dan memupuk nilai-nilai murni di dalam konteks yang lebih luas. Nilai murni merupakan satu perlakuan yang baik di antara hubungan sesama manusia yang merangkumi aspek agama, sosial, kejiwaan dengan tujuan membentuk sebuah masyarakat yang bersatu padu (Abdul Samad 2010).

Manakala Azizi Yahya et al., (2010) menjelaskan bahawa komuniti setempat perlu bekerjasama dalam pembangunan akhlak remaja ini, dan di antara beberapa cadangan yang disarankan kepada komuniti setempat adalah prihatin terhadap segala bentuk perlakuan remaja yang mencurigakan, berterus-terang, memberi teguran dan membuat aduan kepada pihak yang bertanggungjawab sekiranya berlaku tingkah laku delinkuen remaja dan membantu membimbing remaja dalam menjalankan tanggungjawab mereka sebagai pelajar. Begitu juga dengan persekitaran masyarakat, pelajar yang membesar dalam persekitaran berisiko lebih mudah terdedah kepada pengaruh persekitaran setempat. Oleh itu persekitaran komuniti perlu diambilkira dalam proses pembentukan akhlak dan sahsiah pelajar.

## **KESIMPULAN**

Berdasarkan kepada perbincangan di atas boleh disimpulkan bahawa penerapan nilai akhlak merupakan asas dalam membentuk sahsiah diri yang luhur. Sistem pendidikan sedia ada memerlukan sokongan dari semua pihak dalam pendidikan akhlak remaja. Maka adalah wajar bagi setiap pihak yang bertanggungjawab dalam masyarakat memainkan peranan yang penting dalam perkembangan akhlak remaja. Peranan yang dimainkan dalam membantu perkembangan akhlak remaja perlulah berlandaskan agama Islam. Sokongan persekitaran meliputi elemen-elemen kemanusiaan, seperti sokongan guru, sokongan ibu bapa, sokongan rakan sebaya dan sokongan masyarakat serta elemen-elemen bukan kemanusiaan seperti pengaruh pelbagai jenis media yang diterima oleh seseorang semasa menjalani proses kehidupan mereka akan memberi kesan terhadap akhlak dan sahsiah pelajar. Sewajarnya pelajar perlu mendapat semua sumber sokongan persekitaran iaitu ibu bapa, guru, rakan sekelas dan komuniti untuk membantu meningkatkan kemahiran insaniah pelajar. Seseorang akan berubah ke arah kebaikan jika ia menghayati akhlak dalam kehidupannya kerana akhlak mulia dapat memberikan kesan yang positif dalam kehidupan seharian. Mendapat pendidikan yang berkualiti ini adalah satu konsep yang dinamik yang akan mempengaruhi segala tingklaku positif seseorang pelajar secara keseluruhannya.

## **RUJUKAN**

- Ab. Halim Tamuri dan Zarin Ismail. (2009). Hubungan antara pegangan nilai moral dengan media massa: Tinjauan ke atas remaja melayu luar bandar. *SARI: Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*, 27, 199-212.
- Abd. Rahim Abd. Rashid (2006). Menangani perkembangan dan masalah tingkah laku remaja dalam keluarga. Universiti Malaya: Pusat Pembangunan Keluarga.
- Abdul Muhsien Bin Sulaiman. (2014). Peranan guru pendidikan Islam dalam pembentukan akhlak murid dari aspek hubungan guru-murid berasaskan Abu Talib Al-Makki (W.386h/996m). Tesis Doktor Falsafah. Institut Pengajian Siswazah Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Abdul Samad Hadi. (2010). Urbanisasi di Malaysia: Mengaitkan kepelbagaian proses ke bentuk Pembandaran. *Malaysian Journal of Environmental Management* 11(2): 21-3.
- Abdullah,. N. U. (2000), Pendidikan anak dalam Islam, Terj. Singapura:Pustaka Nasional.
- Abu Qasem, Muhammad (1975), *The ethics of al-Ghazali: A Composite ethic in Islam*. US: The University of California.
- Adu-Febiri, F. (2011). Inviting emotions, morals and spirit into our classrooms: A Sociological perspective on the human factor model of education. *Review of Human Factor Studies*, 17(1), 40-89.
- Ahmad Kilani Mohamed, Siti Norlina Muhamad & Normala Hashim. (2012). Pendidikan al Quran ke arah pembangunan insan rabbani. Prosiding Seminar Antarabangsa Perguruan & Pendidikan Islam. 8-9 March 2012. Le Grandeur Hotel, Senai, Johor Darul Takzim.
- Al-Bukhari, A. A. (1998). *Sahih al-Bukhari*. Riyadh: International Ideas Home For Publishing and Distribution.
- Al-Ghazali, M. (1999). *Ihya' `Ulum al-Din (The Revival of the Religious Sciences)*. Cairo: Dar al-Fajr li al-Turath.
- Al-Qardhawi, Yusuf (2012). *Ciri-ciri unggul masyarakat Islam yang kita idamkan*. Terj. Ustaz Mohamaz Zaini Yahaya. Kuala Lumpur: Penerbitan Seribu Dinar.

- Anisa Saleha. (2015). Keterlibatan, sokongan pembelajaran dan pencapaian pelajar berdasarkan gender peringkat persekolahan dan lokasi. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ashley, K.S. & Trisha, D.S. (2013). Motivation among public primary school teachers In Mauritius. *International Journal of Educational Management*. 27(4): 446-464.
- Azizi Yahya, Noordin Yahya & Junaidah Bachok. (2010). Perkaitan antara hubungan kekeluargaan, pengaruh rakan sebaya dan kecerdasan emosi dengan tingkah laku delinkuen pelajar sekolah bestari di daerah Pontian. (Tidak diterbitkan)
- Azyyati Mohd Nazim. (2017). Faktor penyimpangan dalam kalangan remaja berisiko dari perspektif Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*. 15 :1-19.
- Berne, Eric. (1964). *Games people play: The psychology of human relationships*. New York: Ballantine Books.
- Creswell, J.W. (2005). *Research design: Qualitative and quantitative approaches*. London, UK: Sage.
- Fauziah Ibrahim, Norulhuda Sarnon, Khadijah Alavi, Mohd Suhaimi Mohamad, Noremy Md Akhir & Salina Nen. (2012). Memperkasakan pengetahuan agama dalam kalangan remaja bermasalah tingkah laku: Ke arah pembentukan akhlak remaja sejahtera. *Journal of Social Sciences and Humanities*: 84-93.
- Habibah@Artini Ramlie. (2017). *Pembangunan model profesionalisme guru pendidikan Islam berasaskan riadhah ruhiyyah*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Hall. (2008). *Rising kids in the 21<sup>st</sup> century*. United Kingdom. John Wiley and Son.
- Haseena Banu binti Abdul Kalam. (2016). Pengaruh persekitaran sosial terhadap tingkahlaku disiplin murid sekolah rendah di Klang Selangor Malaysia. Tesis Sarjana. Universiti Putra Malaysia.
- Ibn Khaldun, Abd al-Rahman bin Muhammad Khaldun al-Hadrami. (2002). *Mukaddimah Ibn Khaldun*. Terj. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibn Khaldun, Abd Rahman bin Muhammad (1958). *Muqaddimah Ibn Khaldun*. Tahqiq Dr. 'Ali Abd Wahid Wafi, Kaherah : Lajnah al-Bayan al-Arabi.
- Ibn Majah al- Imam al-Hafiz Abu Abdullah Muhammad ibn Yazid al-Qazwiniy . (t.t) *Sunan Ibn Majah* Jil. 1-2. Mesir : Dar al-Fikr.
- Imron. (2015). Dorongan fisiologis, psikis dan spiritual dalam al-Quran. *Jurnal Tarbiyatuna*, Vol.6.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Tamuri, Ab Halim. (2007). *Pendidikan Islam: kaedah pengajaran dan pembelajaran*. Skudai, Johor Bahru: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, K. A. (2016). *Pendidikan sebagai medium penerapan Islam dalam sains dan teknologi*. Persidangan Islam dalam Sains dan Teknologi 2016 (PIST'16) pada 13-15 Oktober 2016. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Kamarul Azmi Jasmi & Siti Fauziyani Md. Saleh @ Masrom. (2007). *Pendidikan dan pembangunan keluarga cemerlang*. Skudai: Penerbit UTM Press.
- Mahmood Shahsavari & Fatemeh Shahsavari. (2012). Evaluation of Al-Ghazali's view about the foundations of education (objectives, programs, methods, teacher and student). *Switzerland Research Park Journal* 101(8): 340-345.
- Mahyuddin Shaari. (2009). Memahami ilmu perkembangan dan pertumbuhan kanak-kanak bagi pendidikan berkesan. *Jurnal Pendidikan Islam*. Jil. 13. Bil. 2. Julai 2009.
- Mardzelah Makhsin. (2012). *Hisbah dan penghayatan akhlak murid-murid sekolah menengah*. Tesis Ph.D Fakulti Pendidikan :Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Mariscal, D.C., Corredor, G.A. & Cabezas, M.F. (2014). Future teachers' attitudes towards cultural diversity, minorities and gender violence. *Procedia Social and Behavioral Sciences* 132: 497-503.
- Md Noor Saper. (2012). Pembinaan modul bimbingan tazkiyah An-nafs' dan kesannya ke atas religiositi dan resiliensi remaja. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Utara Malaysia.
- Mohd Zamrus Mohd Ali & Ratna Roshida Ab Razak. (2012). Metodologi disiplin al-quran dalam budaya pembangunan intelektual: Kajian terhadap ilmuwan Andalusia. *Prosiding Seminar Antarabangsa Perguruan & Pendidikan Islam*, 8-9 March 2012. Le Grandeur Hotel, Senai, Johor Darul Takzim. p. 489- 496.
- Mohamad Khairi Othman dan Asmawati Suhid. (2010). Peranan sekolah dan guru dalam pembangunan nilai pelajar menerusi penerapan nilai murni: Satu sorotan. *MALIM-SEA Journal of General Studies*, 11, 117-130.
- Muhammad Usman al-Kasht. (1985). *Bidayah al-hidayah fi adabi al-muslim al-yaum wa al lailah li Abi Hamid al-Ghazali*. Cairo: Maktabah al-Quran.
- Najeemah Mohd Yusof. (2010). Perspektif sosiologi dalam fungsi sosial pendidikan di malaysia. *Diges Pendidik* 10(1): 37-49.
- Nor Af'idah binti Rameli. (2014). Pengaruh persekitaran keluarga dan perumahan terhadap tingkahlaku remaja di Ampang Jaya, Selangor. Tesis Sarjana, Universiti Putra Malaysia.
- Noornajihan Jaafar & Ab. Halim Tamuri. (2013). Hubungan antara efikasi sendiri dengan kualiti guru pendidikan Islam sekolah menengah kebangsaan malaysia. *JIAE: Journal of Islamic and Arabic Education* 5 (1): 41-60.
- Norlizah Che Hassan. (2014). *Dinamika sendiri remaja*. Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Norzaini Azman & Mohammed Sani Ibrahim. (2007). *Profesion perguruan bangi: Penerbitan Fakulti Pendidikan*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Zatil Ismah & Zulkifli. (2017). Kepentingan unsur al-qalb dalam membentuk jati diri remaja : Analisis terhadap ikon remaja di dalam al-quran. *Jurnal Pengajian Islam*. 10 (1): 1-16.
- Rohana Tan, Norhasni Zainal Abiddin, A. H. dan F. M. F. (2013). Pengaruh ibu bapa dan rakan sebaya ke atas akhlak belia sebuah universiti awam di Malaysia. *Jurnal Personalita Pelajar*, 16(Greduc), 55-64.
- Rohana Tan dan Norhasni Zainal Abidin. (2014). Akidah, akhlak dan hubungannya dengan tingkah laku belia di institusi pengajian tinggi. *Jurnal Ilmu Pendidikan dan Pengajaran*. 64-79. Vol 1. No.1.
- Rosnani, H. (2015). *Critical issues and reform of muslim higher education*. Pusat Pengurusan Penyelidikan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Rozita Abdul Latif. (2009). Pengaruh sokongan interpersonal ibu bapa, rakan sebaya, sekolah dan persekitaran fizikal terhadap penglibatan remaja dalam aktiviti fizikal. Tesis Dr. Falsafah Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ruzieha Binti Abd Halim. (2017). Penghayatan agama islam sebagai mediator dalam hubungan antara persekitaran sosial dengan salah laku seksual pelajar islam. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.
- S.M. Naguib al-Attas. (1978). *Islam and secularism*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Saat Sulaiman (2011). *Tip menjadi ibu bapa mithali*. Selangor: PTS Millennia Sdn. Bhd.

- Samsu Hazlam Hamid. (2010). Pendidikan akhlak dan nilai murni dalam pembangunan negara: Satu analisis tentang proses penerapan menerusi program j-Qaf. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shamsul Arifin. (2014). Islam ditinjau dalam aspek pendidikan. *Tarbiyatuna*. Vol. 8 No. I, Februari 2014: 107-129.
- Siti Nurlina Muhamad, Ahmad Kilani Mohamed, Nurazmallail Marni (2012). Pendidikan anak-anak peringkat murahiq: Satu tinjauan. *Prosiding Seminar Antarabangsa Perguruan & Pendidikan Islam*. p. 415-421.
- Sohana Abdul Hamid. (2016). Pengaruh media massa terhadap perubahan sosial masyarakat, *Journal of Social Science and Humanities*, Universiti Kebangsaan Malaysia. Special Issue 1.
- Syed Muhammad Naquib Al-Attas. (1980). *The concept of education in Islam*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Ulwan, A. N. (2004). *Pendidikan anak-anak dalam islam*. Terj. Singapore: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Zainudin Sharif & Norazmah Mohamad Roslan. (2011). Faktor-faktor yang mempengaruhi remaja terlibat dalam masalah sosial di sekolah tunas bakti, sungai lereh, melaka. *Journal of Education Psychology & Counseling* 1: 115-140.
- Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail & Noranizah Yusuf. (2012). Faktor persekitaran social dan hubungannya dengan pembentukan jati diri. *Jurnal Hadhari Special Edition*: 155-172.
- Zakaria Stapa, Noranizah Yusuf, & Abd. Fatah Shahaudin. (2012). Pendidikan menurut al quran dan sunnah serta peranannya dalam memperkasakan tamadun ummah. *Jurnal Hadhari Special Edition* 7-22.
- Zarinah Arshat, Rozumah Baharudin, Rumaya Juhari & Rojanah Kahar. (2002). Tingkahlaku keibubapaan dan penyesuaian tingkah laku anak dalam keluarga berisiko di luar bandar. *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum.* 10(2) 165-178 (2002).
- Wan Ahmad Zakry Wan Kamarudin. (2015). Kajian kes perbezaan jantina dalam pembentukan sahsiah muslim pelajar. *Academia Journal UiTM*. Vol 4 issue 1.
- Wan Norina Wan Hamat, Zaharah Hussin, Ahmad Fakrudin Mohamed Yusoff & Ahmad Arifin Sapar. (2013). Pengaruh media massa terhadap penampilan akhlak pelajar Islam Politeknik Malaysia. *The Online Journal of Islamic Education*. 1: 17-27.

## **MAKLUMAT PENULIS**

### **HASBULLAH MAT DAUD**

Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya  
hasbullahmd@gmail.com

### **AHMAD YUSSUF**

Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya  
amdysf@um.edu.my

### **FAKHRUL ADABI ABDUL KADIR**

Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya  
fakhruladabi@um.edu.my